

20 JUN 2002

Umno-Usul (Bahas)

BERI TUMPUAN PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Tumpuan terhadap pendidikan pra-sekolah perlu dipertingkatkan dalam usaha membina sahsiah dan perwatakan diri bangsa Melayu, gesa Pergerakan Wanita Umno hari ini.

Wakilnya, Rosnah Majid berkata pendidikan pra-sekolah sangat penting kerana pada peringkat itulah kanak-kanak lebih mudah diasuh dengan nilai-nilai murni.

"Kita patut lentur mereka di masa kecil, pada masa inilah segala asuhan untuk jadikan orang Melayu yang berjiwa besar, mampu bersaing di peringkat dunia serta bangsa yang tak perlukan tongkat," katanya ketika membahaskan ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Rosnah berkata sistem pendidikan pra-sekolah di negara-negara maju yang menerima kanak-kanak antara tiga hingga empat tahun di taman asuhan dan lima dan enam tahun belajar di tadika boleh menjadi contoh.

Menurutnya, di taman asuhan dan tadika itulah kanak-kanak itu diasuh dengan asas kehidupan dan budaya yang betul seperti menepati masa, mengucapkan terima kasih, menghormati orang tua, berdikari dan berkomunikasi.

Sementara itu, wakil Johor, Khairul Azmi Mohamed berkata Malaysia mampu muncul sebagai negara Islam yang dinamik jika orang Melayu bersedia menimba pelbagai ilmu dan memperlengkapkan psikologi mereka.

Jika faktor itu digemblengkan dengan semangat ingin maju dan sendiri, Malaysia mampu mempersembahkan Islam sebagai agama cemerlang, katanya.

"Kalau tahap psikologi umat Islam negara ini masih di takuk lama, ia akan menjadi ucapan yang tidak bermakna walaupun pemimpin negara mengingatkannya berulang kali supaya orang Melayu bersedia menghadapi perubahan", katanya.

Oleh itu, katanya, fikiran orang Melayu perlu bersifat global jika mahu bersaing dengan bangsa lain serta muncul sebagai perintis dalam ilmu sains dan teknologi seperti yang dilakukan oleh umat Islam terdahulu.

Malaysia telahpun membuktikan kredibilitinya dalam konteks dakwah global sehingga pemimpinnya mampu menjadi jurucakap dunia ketiga dalam pelbagai isu.

Wakil Pahang, Saifuddin Abdullah pula berkata umat Islam perlu menjadi penentu zaman dengan melakukan perubahan minda dan budaya yang membolehkan mereka maju seiring dengan arus pembangunan yang berkembang pesat.

Orang Melayu perlu merebut peluang yang terbuka luas terutamanya di bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sedang berkembang di negara ini, katanya.

Beliau berkata orang Melayu bukan sahaja perlu menguasai bahasa Inggeris tetapi bahasa lain kerana mereka yang menguasai banyak bahasa terbukti maju dalam pelbagai bidang.

Sistem meritokrasi yang diperkenalkan kerajaan dalam kemasukan ke institusi pengajian tinggi perlu dilihat realitinya bahawa ia akan membantu orang Melayu berdaya saing dengan bangsa lain, katanya.

Wakil Wilayah Persekutuan, Astaman Abdul Aziz sementara itu berkata institusi kekeluargaan perlu diperkukuhkan kerana ia merupakan penentu kepada kejayaan pendidikan orang Melayu.

Wakil Terengganu Ahmad Said pula meminta pemimpin kanan parti supaya kerap melawat negeri itu bagi memberikan penjelasan mengenai isu-isu semasa sebagai usaha memenangi hati rakyat di negeri yang dikuasai PAS itu.

Beliau berkata Barisan Nasional mempunyai potensi untuk menang dan kembali memerintah di Terengganu.

"Marilah kita jadikan Terengganu sebagai medan peperangan pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Wakil Perlis Mastika Junaidah Hussein pula berkata Ummolah yang selama ini memperjuangkan Islam dengan mengamalkan dasar yang selari dengan kehendak Islam dan bukan PAS seperti yang digembar-gemburkan oleh parti pembangkang itu.

Beliau berkata ini kerana dalam dasar-dasarnya kerajaan banyak menekankan hubungan manusia dengan tuhan dengan menyediakan banyak masjid serta surau serta hubungan manusia dengan manusia dengan mementingkan perpaduan umat.

-- BERNAMA

HS AKT ZS MOZ